



Kenyataan Media

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GARIS PANDUAN SEMASA FASA AWAL ENDEMIK BAGI FASILITI DAN PREMIS YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG TUGAS KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERMULA 15 DISEMBER 2021

Alhamdulillah, **pengisytiharan Fasa Endemik dibawah Rangka Kerja Pemulihan Kebangsaan COVID-19** akan bermula pada **10 Jamadilawal 1443 bersamaan 15 Disember 2021** dan dengan berasaskan kepada Kenyataan Jabatan Perdana Menteri pada hari Ahad, 7 Jamadilawal 1443 bersamaan 12 Disember 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan mengenai **Pengemaskinian Garis Panduan Fasa Awal Endemik** bagi penggunaan fasiliti dan premis yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini iaitu: Pusat Orang Kelainan Upaya; Fasiliti-Fasiliti Sukan; Muzium, Galeri Pameran dan Perpustakaan; dan Pusat Kegiatan Warga Emas.

Dengan berdasarkan Garis Panduan **bagi Fasa Awal Endemik**, fasiliti dan premis berkenaan akan beroperasi dengan **75% kapasiti atau 300 orang pengguna dan petugas dalam satu masa (yang mana lebih rendah)**; semua petugas dan pengunjung **dimestikan memakai sungkup muka (*face mask*) pada setiap masa kecuali ketika melakukan senaman atau kegiatan fizikal dengan mengamalkan penjarakan sosial; dan fasiliti hendaklah sentiasa bersih.**

Sebagai garispanduan tambahan, butiran lanjut bagi setiap jenis premis dan fasiliti adalah seperti berikut:

1. Pusat Orang Kelainan Upaya

- a) Pusat Orang Kelainan Upaya akan mula beroperasi pada **3 Januari 2022**.
- b) Para petugas termasuk petugas bantuan hendaklah **melengkapkan vaksinasi penuh serta mempunyai *BruHealth code* berwarna hijau atau kuning**.
- c) Pelatih dan penuntut **Orang Kelainan Upaya yang telah melengkapkan vaksinasi penuh serta mempunyai *BruHealth code* berwarna hijau atau kuning** dan berupaya **menjaga serta menguruskan diri sendiri** dibenarkan untuk menjalankan latihan di Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya.
- d) **Saringan Antigen Rapid Test (ART) hendaklah dilaksanakan setiap dua minggu** bagi petugas termasuk petugas bantuan dan para pelatih dan penuntut.

2. Fasiliti sukan tertutup (*indoor*); fasiliti sukan luar (*outdoor*); Kolam Renang; Gim dan Pusat Kecergasan; dan Padang Golf

- a) Bagi Fasa Awal Endemik, **beberapa Syarat pengoperasian telah dikemaskini** daripada Garis Panduan awal semasa Fasa Peralihan sepertimana Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Selasa, 16 November 2021 seperti berikut:
- (1) Penggunaan fasiliti-fasiliti tersebut **turut dibukakan kepada individu yang belum melengkapkan vaksinasi akan tetapi mereka dikehendaki untuk membuat ujian saringan Antigen Rapid Test (ART)**, yang mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua (2) hari.
 - (2) **Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum menerima atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan untuk menggunakan fasiliti tanpa memerlukan ujian ART**, dengan syarat mereka **ditemani oleh dewasa yang telah melengkapkan vaksinasi mereka**.
 - (3) Bagi Gim dan Pusat Kecergasan (*Fitness Centre*) dan Padang Golf, ianya **turut dibukakan kepada ahli-ahli berdaftar dan tidak berdaftar**.
- b) Disini saya ingin mengongsikan kembali bahawa penganjukan ***organised sports* dan sebarang kejohanan sukan masih belum dibenarkan**, manakala ***Contact Sports* adalah dibenarkan hanya bagi sesi latihan tanpa melibatkan latihan *sparring***.
- c) Semua pengunjung **dimestikan memakai sungkup muka (*face mask*) pada setiap masa kecuali ketika melakukan senaman atau kegiatan fizikal**. Walau bagaimanapun, para pemain golf masih turut dikehendaki untuk sentiasa memakai sungkup muka.

3. Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan

- a) Bagi Fasa Awal Endemik, **beberapa Syarat pengoperasian telah dikemaskini** daripada Garis Panduan awal semasa Fasa Peralihan sepertimana Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Selasa, 16 November 2021 seperti berikut:
- (1) Premis **turut dibukakan kepada individu yang belum melengkapkan vaksinasi akan tetapi mereka dikehendaki untuk membuat ujian saringan Antigen Rapid Test (ART)**, yang mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua (2) hari.
 - (2) **Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum menerima atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan untuk memasuki premis tanpa memerlukan ujian ART**, dengan syarat mereka **ditemani oleh dewasa yang telah melengkapkan vaksinasi mereka**.

4. Pusat Kegiatan Warga Emas

- a) Semua aktiviti dan program dalaman (*indoors*) dan luar (*outdoors*) adalah dibenarkan pada kadar **75% kapasiti atau 300 orang pengguna dan petugas dalam satu masa (yang mana lebih rendah)** dengan mematuhi Langkah-Langkah Pengawalan termasuk penggunaan sungkup muka pada setiap masa; mengelakkan sentuhan fizikal; membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti; dan penyediaan makanan dan minuman hanya dalam bentuk bungkus (tapau).

- b) Semua petugas dan pengguna hendaklah **melengkapkan vaksinasi penuh serta mempunyai *BruHealth code* berwarna hijau atau kuning.**
- c) **Saringan Antigen Rapid Test (ART) hendaklah dilaksanakan setiap dua minggu** bagi petugas dan para pengguna.

5. Perkembangan mengenai Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*)

- a) Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil maklum tentang pandangan orang ramai khususnya keperluan bagi pembukaan semula Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) dalam pelaksanaan waktu kerja biasa semasa Fasa Endemik.
- b) Disini dikongsikan bahawa perkara ini telah dan terus diteliti secara mendalam di peringkat Jawatankuasa Pandu COVID-19 dari pelbagai aspek dalam mana, amatlah mustahak bagi sebarang pertimbangan bagi pembukaan semula untuk didasarkan kepada imbangan antara keselamatan, kesihatan dan keperluan bagi perkhidmatan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) terutamanya semasa Fasa Awal Endemik.
- c) InsyaAllah, keputusan mengenai pembukaan semula dan syarat pengoperasian Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan penghargaan kepada orang ramai atas kerjasama yang telah diberikan dalam mematuhi SOP dan Garis Panduan semasa pembukaan fasiliti-fasiliti dibawah Fasa Peralihan. Kerjasama dalam mematuhi SOP dan Garis Panduan dalam Fasa Endemik hendaklah terus dikekalkan dalam kitani menghindari risiko jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis panduan yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang www.kkbs.gov.bn atau www.jpm.gov.bn.

Marilah kita terus berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa mengurniakan kita dengan kerahmatan, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan.

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn Instagram: @kkbs_brunei
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- TAMAT -